

PM puji Konsert Keamanan Dunia

PM 28 SEP 2002

JOHOR BAHRU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dunia hari ini seolah-olah tempat yang bahaya untuk didiami memandangkan ada keinginan berterusan untuk membalas dendam yang boleh menjurus kepada malapetaka lebih buruk.

Perdana Menteri berkata, tahun lalu dunia diselubungi pergolakan dan ketakutan, bermula dengan serangan pengganas ke atas New York pada 11 September, diikuti peperangan yang menyebabkan kemusnahan di Afghanistan dan kini serangan yang akan dilakukan ke atas Iraq serta kekejaman yang sedang berlaku di Palestin.

"Kita berharap peristiwa-peristiwa yang berlaku tahun lalu dapat mengajar kita bahawa keama-

nan dan perdamaian, serta usaha mendalam dan komited untuk mengenal pasti dan menyelesaikan punca berlakunya keganasan adalah jawapan untuk menangani kebencian dan ekstremisme.

"Sebaliknya, apa yang kita lihat ialah keinginan berterusan untuk membalas dendam yang hanya akan menjurus kepada malapetaka yang lebih buruk," kata Dr Mahathir dalam perutusannya pada buku cenderamata sempena Konsert Keamanan Dunia 2002 yang akan berlangsung 12 Oktober ini.

Dalam perutusan yang diedarkan kepada media hari ini, Dr Mahathir berkata satu serangan akan diikuti serangan yang lebih besar dan memusnahkan, berlingkar-lingkar dalam

bulan keganasan.

"Malang sekali, tiada usaha dilakukan bagi menyelesaikan punca keganasan yang sepatutnya kegiatan itu boleh dihentikan terus," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, aktiviti seperti Konsert Keamanan Dunia perlu dipuji kerana ia mengingatkan manusia bahawa jawapan kepada keganasan adalah saling bermaafan, keamanan dan perdamaian.

"Saya memuji penganjur Konsert Keamanan Dunia di atas usaha mereka yang tidak dapat dinafikan lagi akan meningkatkan perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama," katanya.

Konsert anjuran Jawatankuasa Keamanan Dunia

yang berpejabat di Johor Bahru yang diketuai Dr Jojo M Fung itu bertujuan menyatakan penghargaan tulus ikhlas rakyat Malaysia di atas rahmat yang diterima sejak 45 tahun lalu.

Sementara itu, Fung berkata, menerusi semangat Malaysia Bolch!, penganjur berharap dapat mengumpul sokongan rakyat Malaysia bagi membantu usaha Mercy Malaysia menghantar bantuan perubatan untuk rakyat dunia yang menjadi mangsa konflik.

"Kami berharap dapat mengumpul RM25,000 daripada sumbangan untuk Mercy Malaysia, sukarelawan bantuan perubatan Malaysia," katanya sambil menambah penderma boleh menyumbang terus kepada akaun Mercy Malaysia bernombor 5640-1610-6789.